

# Bandaraya Melaka semakin bersih, aduan menurun



Siti Salehah

**PANTAI KUNDOR** – Pelaksanaan operasi Bandaraya Ekosistem Bersih Aspirasi Semua (BEBAS) oleh Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) membawaikan hasil positif sejak ia mula diperkenalkan.

Datuk Bandar MBMB Datuk Shadan Othman berkata, sejak BEBAS dilaksanakan aduan berkaitan kebersihan diterima pihaknya semakin menunjukkan penurunan berbanding sebelum ini.

“Seperti sedia maklum operasi BEBAS ini kita laksanakan setiap minggu di seluruh kawasan pentadbiran MBMB iaitu sambil berjalan kita mengutip sampah dan mendekati masyarakat setempat.

“Pendekatan ini boleh dikatakan berkesan, kalau dilihat pada aduan diterima MBMB setahun lalu terutamanya selepas COVID-19, jumlahnya memang banyak.

“Tetapi sejak akhir-akhir ini aduan diterima baik menerusi sistem mahupun media sosial sudah berkurangan, mungkin tahap kebersihan sudah bertambah baik susulan pelaksanaan inisiatif BEBAS,”



**SHADAN** bersama Tuminah membersihkan pantai sempena Program Operasi Bandaraya Ekosistem Bersih Aspirasi Semua (BEBAS) Bersama RHB Bank Berhad dan Komuniti DUN Pantai Kundor (RHB Clean-A-Thon) di Pentas Budaya Pantai Puteri. Foto Iqmal Haqim Rosman

katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Program BEBAS Ber-

sama RHB Bank Berhad dan Komuniti Dewan Undangan Negeri (DUN) Pantai Kundor, di sini, pada Sabtu.

Hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pantai Kundor Tuminah Kadi @ Mohd

Hashim dan Pengarah Urusan Kumpulan RHB Bank Mohd Rashid Mohamad.

Menurut Shadan, hasil kira-kira 30 pelaksanaan operasi BEBAS, MBMB berjaya mengutip hampir 20 tan sampah sarap di sekitar kawasan pentadbirannya.

“Sebelum ini operasi BEBAS ini hanya membabitkan warga MBMB sahaja namun kali ini ada kelainan apabila mendapat kerjasama daripada pihak bank bersama-sama kumpulan ‘volunteer’ (sukarelawan) turun padang mengutip sampah.

“Ini memberi petanda masyarakat setempat sudah peka dan sedar dalam menjaga kebersihan di kawasan mereka kerana tugas menjaga kebersihan ini bukan hanya tanggungjawab MBMB malah semua perlu memainkan peranan.

“Bagi merealisasikan Melaka sebagai negeri terbersih di Malaysia peranan semua pihak amat penting. Malah MBMB juga telah terpilih sebagai agensi terbaik bagi kategori pihak berkuasa tempatan (PBT) sempena World Clean Up Day,” katanya.